

**SOALAN NO: 20**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : SELASA, 22 MAC 2016**

**RUJUKAN : L9 [PR-1341-L72084]**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan perancangan menangani isu kenderaan tersadai dalam, di sekitar dan pinggiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang menimbulkan pelbagai masalah terutama di kawasan perumahan dan penempatan bandar yang berkepadatan tinggi dan sesak.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur maklum dengan kenderaan tersadai di sekitar dan pinggiran Bandaraya Kuala Lumpur yang menimbulkan pelbagai masalah terutama di kawasan perumahan dan penempatan bandar yang berkepadatan tinggi dan sesak. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari masa ke semasa telah mengambil tindakan menunda kenderaan-kenderaan tersebut dengan serta merta.

Mengikut statistik, sebanyak **545 buah kereta** dan **576 buah motosikal** tersadai telah ditunda di sepanjang tahun **2015**. Bagi bulan **Januari 2016**, sebanyak **61 buah kereta** dan **61 buah motosikal** tersadai ditunda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, *Blueprint* Kebersihan dan Penarafan Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengariskan pelan tindakan ke atas kenderaan buruk atau tersadai seperti berikut :-

1. Mempercepatkan kelulusan untuk mendapat tapak penyimpanan sementara di pencawang Tenaga Nasional Berhad;
2. Mempercepatkan pelupusan kenderaan buruk; dan
3. Melakukan perundingan dengan pihak Alam Flora Sdn. Bhd dan DRB-Hicom Environmental Services untuk mempercepatkan pelupusan kenderaan.